

**Israel dan Turki setuju pulihkan hubungan diplomatik**  
**Free Malaysia Today**  
**Jun 27, 2016**

**Pengumuman rasmi pemulihan hubungan dan maklumat perjanjian dijangka didedahkan pada pagi Isnin oleh kedua-dua Perdana Menteri.**

JERUSALEM: Israel dan Turki bersetuju untuk memulihkan semula hubungan selepas perselisihan yang berlaku ekoran pembunuhan 10 aktivis pro Palestin oleh tentera laut Israel selepas kapal mereka cuba belayar masuk ke Semenanjung Gaza pada tahun 2010.

Pengumuman rasmi mengenai pemulihan hubungan dan maklumat perjanjian dijangka didedahkan pada pagi Isnin oleh Perdana Menteri Israel, Netanyahu di Rom dan Perdana Menteri Turki, Binali Yildirim di Ankara.

“Kami telah mencapai persetujuan dengan Israel untuk memulihkan semula hubungan dua hala pada hari Ahad di Rom,” kata seorang pegawai kanan Turki yang menyifatkannya sebagai ‘kemenangan diplomatik’ bagi Turki walaupun Israel masih enggan mengugurkan sekatan ke atas Gaza, salah satu daripada tiga syarat perjanjian Ankara.

Netanyahu ke Rom pada hari Ahad untuk bertemu Setiausaha AS, John Kerry dan pegawai Israel serta Turki di ibu negara Itali untuk memuktamadkan perjanjian itu.

Israel sudah memohon maaf atas kejadian tersebut, salah satu daripada tiga syarat dalam perjanjian Ankara atas serangan maut kapal aktivis Mavi Marmara di samping bersetuju membayar pampasan \$20 juta kepada keluarga korban dan cedera, kata pegawai Israel dalam satu taklimat kepada pemberita Israel yang turut mengiringi Netanyahu.

Di bawah perjanjian itu Turki akan menghantar bantuan kemanusiaan dan produk bukan tentera yang lain ke Gaza serta melaksanakan projek-projek infrastruktur termasuk bangunan kediaman dan sebuah hospital di kawasan itu, kata pegawai kanan Turki. Langkah-langkah konkrit akan diambil untuk menangani krisis air dan api di bandar itu.

Seorang pegawai kanan Israel pula menyatakan, diplomat kanan Kementerian Luar kedua-dua negara secara berasingan akan menandatangani perjanjian serentak pada Selasa.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/27/israel-dan-turki-setuju-memulihkan-hubungan/>